

TAPAH, 4 JULAI (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENINGATKAN RAKYAT JANGAN BERTINDAK MENGIKUT PERASAAN DALAM PILIHANRAYA UMUM INI DENGAN MEMBERI SOKONGAN KEPADA PARTI-PARTI PEMBANGKANG.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN WALAUPUN PIHAK PEMBANGKANG MEMENANGI BEBERAPA KERUSI DALAM PILIHANRAYA ITU KELAK, MEREKA TIDAK AKAN BERBUAT APA-APA UNTUK MEMBELA NASIB RAKYAT KERANA JANJI-JANJI MANIS MEREKA HANYA SETAKAT UNTUK MEMANCING UNDI SAHAJA.

BERUCAP KEPADA LEBIH 1,000 ORANG PEKERJA DAN PENYOKONG BARISAN NASIONAL DI DEWAN MERDEKA DI SINI MALAM TADI, BELIAU BERKATA MEREKA YANG MENGUNDI CALUN-CALUN PEMBANGKANG AKAN HANYA MENERIMA NASIB YANG SAMA SEPERTI RAKYAT KELANTAN SEMASA PAS MENGUASAI NEGERI ITU.

KATANYA SELAMA 19 TAHUN PAS MEMERINTAH NEGERI ITU TIDAK SATU PUN KEMAJUAN YANG DICAPAI DAN AKHIRNYA RAKAT KELANTAN TERUS MENOLAK PARTI TERSEBUT DAN SERALIKNYA MEMILIH KERAJAAN BN YANG BERKEUPAYAAN MEMBAWA PEMBANGUNAN UNTUK MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BN AKAN DAPAT BERTINDAK DENGAN LEBIH BERKESAN LAGI SEKIRANYA DIPERIKAN MANDAT BARU DAN MAJORITI SECUKUPNYA UNTUK MEMBENTUK SEBUAH KERAJAAN YANG KUKUH.

TEGAS BELIAU, HANYA BN DAPAT MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN SECARA BERKESAN UNTUK FAEDAH RAKYAT JELATA DI SAMPIING MENGEKALKAN KESTABILAN POLITIK, EKONOMI DAN KESEJAHTERAAN NEGARA.

-- BERSAMBUNG 1202/YF

MAHATHIR 2 TAPAH

BELIAU YAKIN BN AKAN TERUS BERKUASA DENGAN MENCAPAI KEMENANGAN BESAR DALAM PILIHANRAYA INI KERANA RAKYAT SEDAR HANYA BN SAHAJA YANG SANGGUP BERKHIDMAT UNTUK MEREKA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI KESAL KERANA PAS DAN DAP TERUS MENGUTARAKAN PERKARA-PERKARA SENSITIF DENGAN TUJUAN MENIMBULKAN KEMARAHAN RAKYAT TERHADAP KERAJAAN SEKARANG DAN MEMPEROLEH SOKONGAN MEREKA BAGI MEMENANGI PILIHANRAYA KALI INI.

KATANYA, PAS TELAH MEMBAKAR JIWA ORANG-ORANG MELAYU DAN DAP PULA MENGHASUT MASYARAKAT CINA SUPAYA MEMBENCI KERAJAAN TANPA MEMIKIRKAN AKIBAT BURUK YANG MUNGKIN MENIPPA NEGARA.

SELAIN DARI ITU PAS JUGA MENGGUNAKAN AGAMA ISLAM SEBAGAI TOPENG PERJUANGANNYA TETAPI AKIBAT DARI PERDUATANNYA ITU PAS TELAH MENJATUHKAN IMEJ AGAMA ISLAM DI KALANGAN MASYARAKAT BUKAN ISLAM.

MENGENAI PARA PEMIMPIN DAP, BELIAU BERKATA MEREKA HIDUP DALAM KHAYALAN UNTUK MENCAPAI KEKUASAAN DAN MEREKA HANYA MENGANGGAP SEOLAH-OLAH MALAYSIA MEMPUNYAI PENDUDUK TERDIRI DARI SATU KAUM SAHAJA. -- BERSAMBUNG 1205/YF

EE

B520

MAHATHIR 3 TAPAH

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGECEM PARA WARTAWAN AKHBAR DAN MAJALAH LUAR NEGERI YANG TERUS MENULIS TENTANG KEBURUKAN KERAJAAN SEOLAH-OLAH MENDESAK RAKYAT SUPAYA MENUKAR KERAJAAN YANG ADA SEKARANG.

KATANYA, TINDAKAN MEREKA ITU SEMATA-MATA BERTUJUAN MENIMBULKAN SUASANA YANG TIDAK DIINGINI DI NEGARA INI SEPERTI YANG PERNAH BERLAKU DI BEBERAPA BUAH NEGARA LAIN APABILA RAKYATNYA BERTINDAK SECARA KEKERASAN MENENTANG KERAJAAN SETELAH MENDAPAT ILHAM DARI PARA WARTAWAN ASING.

MALANGNYA RAKYAT YANG MAHUKAN PERUBAHAN, SEGERA DARI TINDAKAN SEUMPAMA ITU AKHIRNYA MENGALAMI MALAPETAKA DAN PERTUMPAHAN DARAH, TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA 1206/YF